

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT PELABURAN  
BERKUAT KUASA 22 NOVEMBER 2022**

<b>PELABUR ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT PELABURAN BERSAMA AIIMAN ASSET MANAGEMENT SDN BHD.</b>	
<b>1.0</b>	<b>DEFINISI</b>
1.1	<p>Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p>“<b>AIIMAN</b>” AIIMAN Asset Management Sdn Bhd, No Syarikat: 199301001937 (256674T) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Boustead, 69 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur.</p> <p>“<b>Akaun Pelaburan</b>” bermaksud akaun pelaburan dana patuh Syariah persendirian yang diuruskan oleh AIIMAN serta layak untuk tujuan pemotongan zakat dana pelaburan yang ditawarkan oleh AIIMAN.</p> <p>“<b>AMZ</b>” bermaksud Agensi Mengurus Zakat yang memberi kuasa kepada AIIMAN untuk membuat potongan zakat pelaburan bagi pihak Pelabur. Pada masa ini hanya Lembaga Zakat Selangor (“LZS”) yang memberi kuasa kepada AIIMAN untuk membuat potongan bagi pihak Pelabur.</p> <p>“<b>Pelabur</b>” bermaksud pelabur individu Islam yang memiliki akaun pelaburan dana patuh syariah persendirian yang diuruskan oleh AIIMAN.</p> <p>“<b>Nisab</b>” bermaksud nilai semasa bagi 85 gram emas mengikut harga pasaran emas yang ditentukan oleh mana-mana AMZ yang memberi kuasa kepada AIIMAN untuk membuat potongan bagi pihak Pelabur</p> <p>“<b>Tahun taksiran</b>” bermaksud tahun dimana pengiraan zakat mengikut kalendar tahunan sebagai contoh Tahun Taksiran 2021 adalah berakhir pada 31 Oktober 2021.</p> <p>“<b>Perkhidmatan</b>” bermaksud perkhidmatan pembayaran zakat pelaburan ke atas Akaun Pelaburan di AIIMAN sahaja.</p> <p>“<b>Kadar Zakat Pelaburan</b>” adalah 2.5% daripada jumlah pelaburan yang perlu dibayar zakat.</p>
<b>2.0</b>	<b>PRINSIP SHARIAH</b>
2.1	<p>“<b>Wakalah</b>” bermaksud suatu kontrak yang menyatakan pihak (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran tertentu.</p> <p>Di bawah perkhidmatan ini, Pelabur sebagai <i>muwakkil</i> atau prinsipal memberi kuasa kepada AIIMAN sebagai <i>wakil</i> atau ejen untuk mengira dan membayar zakat pelaburan kepada AMZ bagi jumlah pelaburan keseluruhan yang terdapat di dalam Akaun Pelaburan di AIIMAN.</p>
<b>3.0</b>	<b>PERMOHONAN</b>
3.1	Pelabur dikehendaki untuk mengisi borang permohonan dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan membawa bersama-sama dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh AIIMAN sekiranya ada.
3.2	Pelabur bersetuju bahawa sesungguhnya dengan mengisi borang yang dinyatakan di dalam klausa 3.1 di atas Pelabur telah memberi kebenaran kepada AIIMAN untuk menjual unit dana amanah yang dinyatakan di dalam borang tersebut untuk tujuan pembayaran zakat pelaburan.
3.3	Tertakluk kepada penyertaan AMZ negeri dari semasa ke semasa (senarai penuh AMZ yang menyertai perkhidmatan ini boleh didapati di laman sesawang AIIMAN <a href="http://www.aiiman.com">www.aiiman.com</a> )
<b>4.0</b>	<b>PENGIRAAN &amp; PEMBAYARAN ZAKAT</b>
4.1	<p>Semua Akaun Pelaburan patuh syariah individu yang dibuka di bawah pelaburan secara tunai sahaja yang layak untuk digabungkan untuk pengiraan Zakat Pelaburan.</p> <p>Akaun bersama tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Pelaburan. Pelabur bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.</p> <p>Akaun pelaburan yang dibuka menggunakan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau akaun pelaburan yang dibuka di bawah Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah dkecualikan daripada pembayaran Zakat Pelaburan.</p>

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT PELABURAN  
BERKUAT KUASA 22 NOVEMBER 2022**

4.2	Pengiraan Zakat Pelaburan adalah berdasarkan kepada jumlah keseluruhan baki akaun persendirian Pelabur pada 31 Oktober setiap tahun. Kaedah pengiraan zakat telah dipersetujui oleh AIIMAN dan mana-mana AMZ yang memberi kuasa kepada AIIMAN untuk membuat potongan Zakat Pelaburan Pelabur. Sekiranya terdapat perbezaan pada kaedah pengiraan zakat antara AIIMAN dan AMZ negeri, kaedah pengiraan yang ditetapkan oleh AIIMAN adalah terpakai dan muktamad. Pelabur dinasihati untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai cara pengiraan zakat sebelum melanggan Perkhidmatan ini.																
4.3	<p>Bagi tujuan taksiran Zakat Pelaburan, Akaun Pelaburan yang dibuka sebelum Tahun Taksiran akan diambil kira. Manakala, Akaun Pelaburan yang dibuka pada Tahun Taksiran semasa hanya akan diambil kira untuk taksiran sekiranya Pelabur mempunyai akaun yang telah dibuka sebelum Tahun Taksiran seperti di dalam jadual di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="324 520 1380 730"> <thead> <tr> <th>Senario</th> <th>Akaun Pelaburan dibuka sebelum Tahun Taksiran</th> <th>Akaun Pelaburan dibuka semasa Tahun Taksiran</th> <th>Kelayakan untuk ditaksir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Ya</td> <td>Tiada</td> <td>Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Ya</td> <td>Ya</td> <td>Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Tiada</td> <td>Ya</td> <td>Semua Akaun Pelaburan tidak perlu ditaksir</td> </tr> </tbody> </table>	Senario	Akaun Pelaburan dibuka sebelum Tahun Taksiran	Akaun Pelaburan dibuka semasa Tahun Taksiran	Kelayakan untuk ditaksir	1	Ya	Tiada	Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir	2	Ya	Ya	Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir	3	Tiada	Ya	Semua Akaun Pelaburan tidak perlu ditaksir
Senario	Akaun Pelaburan dibuka sebelum Tahun Taksiran	Akaun Pelaburan dibuka semasa Tahun Taksiran	Kelayakan untuk ditaksir														
1	Ya	Tiada	Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir														
2	Ya	Ya	Semua Akaun Pelaburan perlu ditaksir														
3	Tiada	Ya	Semua Akaun Pelaburan tidak perlu ditaksir														
4.4	Akaun yang telah dibekukan atau dijadikan cagaran tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Pelaburan.																
4.5	AIIMAN akan memberi notis kepada Pelabur yang layak membayar zakat sebelum menjual unit dana amanah yang dinyatakan di dalam borang yang dinyatakan di dalam klausa 3.1 di atas. Pelabur adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki unit dana adalah mencukupi untuk membuat pembayaran zakat.																
4.6	Pelabur boleh menyemak atau mencetak resit rasmi pembayaran Zakat Pelaburan di laman sesawang AMZ yang berkenaan. Pelabur adalah dinasihatkan untuk menghubungi AMZ berkenaan sekiranya terdapat kesilapan pada rekod pembayaran Zakat Pelaburan tersebut.																
4.7	Sekiranya Akaun Pelaburan dibekukan atas sebab sebab tertentu atau baki unit di dalam akaun tidak mencukupi untuk membuat pembayaran zakat, AIIMAN tidak akan membuat pembayaran zakat untuk Pelabur bagi Tahun Taksiran tersebut. Pelabur bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap akaun tersebut sendiri.																
4.8	Sekiranya AIIMAN gagal untuk menjual unit dana Pelabur disebabkan oleh klausa 4.7, Perkhidmatan ini tidak akan ditamatkan secara automatik. Sebaliknya, AIIMAN akan terus memberikan Perkhidmatan untuk Tahun Taksiran berikutnya sehingga Perkhidmatan tersebut ditamatkan oleh Pelabur.																
4.9	Sekiranya Pelabur ingin menamatkan Perkhidmatan ini, Pelabur perlu memaklumkan AIIMAN dengan menyerahkan notis penamatan perkhidmatan pembayaran Zakat Pelaburan kepada AIIMAN.																
<b>5.0</b>	<b>YURAN DAN CAJ</b>																
5.1	Tiada sebarang yuran atau caj dikenakan kepada Pelabur untuk Perkhidmatan ini.																

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT PELABURAN  
BERKUAT KUASA 22 NOVEMBER 2022**

<b>6.0</b>	<b>PENDEDAHAN MAKLUMAT</b>
6.1	Pelabur memberi kebenaran kepada AIIMAN untuk memproses data peribadi Pelabur selaras dengan Notis Privasi AIIMAN yang ditandatangani oleh Pelabur dan ia boleh didapati di laman sesawang AIIMAN <a href="http://www.aiiman.com">www.aiiman.com</a> .
6.2	Pelabur juga memahami bahawa AIIMAN perlu mendedahkan butiran data peribadi Pelabur kepada AMZ bagi membolehkan AIIMAN menjalankan tanggungjawabnya. Oleh yang demikian, Pelabur memberi kebenaran kepada AIIMAN untuk mendedahkan maklumat peribadi Pelabur kepada AMZ pilihan AIIMAN setakat mana perlu bagi tujuan Perkhidmatan ini termasuklah untuk pengeluaran resit pembayaran zakat.
<b>7.0</b>	<b>TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN</b>
7.1	AIIMAN dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen (selepas ini dirujuk sebagai "AIIMAN") yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda yang timbul daripada Perkhidmatan ini. AIIMAN tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pelabur yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan Pelabur dalam melabur, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. AIIMAN tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan AIIMAN dalam pentadbiran dan pemprosesan Perkhidmatan ini.
7.2	AIIMAN berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Perkhidmatan ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan AIIMAN mahupun di laman web AIIMAN. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Perkhidmatan oleh AIIMAN, tidak membolehkan Pelabur membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap AIIMAN bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Pelabur sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
7.3	Pelabur dinasihatkan untuk melayari laman sesawang AIIMAN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Perkhidmatan untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.
7.4	Jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi Pelabur seperti alamat atau nombor telefon selainya, Pelabur perlu memaklumkan kepada pihak AIIMAN dengan segera untuk memastikan semua komunikasi dapat disampaikan kepada Pelabur dengan segera.
7.5	Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.
<b>8.0</b>	<b>UNDANG-UNDANG</b>
8.1	Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia.